

>>Harga ayam masih **tinggi** iaitu antara RM9.50 hingga RM12 sekilo

# Guna alasan ayam sakit

**Pemborong beri helah naik harga dengan menghantar stok bahan mentah terhad**

Syazwan Msar  
mohdsyazwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**A**yam sakit pada musim perayaan terus menjadi alasan utama pemborong untuk menaikkan harga bahan kawalan itu.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Sentul dan Chow Kit mendapati harga ayam yang dijual masih tinggi iaitu antara RM9.50 hingga RM12 sekilo manakala pasar raya besar pula antara RM8.70 hingga RM9 sekilo.

Harga berkenaan masih lagi tinggi berbanding sebelum perayaan dan tidak menunjukkan tanda penurunan berikutnya pemborong sudah menetapkan harga berkenaan sejak awal lagi.



**PENIAGA menjual ayam kepada pelanggan dengan harga mahal kerana sudah ditetapkan pemborong.**

Masalah itu diakui peniaga ayam Mohamad Saiful Ahmad, 38, yang menyatakan kebanyakannya pemborong menggunakan alasan ayam sakit menyebabkan stok ba-

han mentah itu menghadapi masalah.

"Oleh itu, mereka perlu menaikkan harga bahan mentah berkenaan kerana stok yang terhad dan sebagai

peniaga peningkatan itu menyebabkan ada antara pelanggan bising.

"Mungkin harga akan kembali stabil untuk tempoh dua minggu lagi namun se-

takat ini masih lagi tinggi daripada sebelum ini," katanya.

Peniaga ayam Shamsul Baharom Jasra, 40, berkata, harga ayam melambung

tinggi tidak dapat dielakkan berikutan pembelian secara pukal oleh orang ramai.

"Kami perlu mengikuti harga yang dijual pemborong dan situasi berkenaan berlaku setiap tahun sejak saya menjual ayam 10 tahun lalu," katanya.

Sementara itu, Perunding Eksekutif Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) Dr Abd Rahman Md Saleh berkata, permintaan tinggi dan bekalan tidak mencukupi menyebabkan harga ayam meningkat.

Beliau berkata, ayam sakit adalah perkara biasa dan masalah itu tidak menjaskan bekalan ayam terutama pada musim perayaan.

**FAKTA**  
*Harga ayam melambung kerana pembelian pukal orang ramai*